

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 18 December 1962 > Page 1 > Mereka maseh di-soal, kata Menteri

Mereka maseh di-soal, kata Menteri

Berita Harian, 18 December 1962, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL8147

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Mereka maseh di-soal, kata Menteri

KUALA LUMPUR, Ithnin.

MENTERI Keselamatan Dalam Negeri, Dato (Dr.) Ismail bin Dato Abdul Rahman berkata dalam Dewan Ra'ayat hari ini bahawa 50 orang anggota Front Sosialis yang di-tangkap dalam beberapa serbuan hari Ahad lalu maseh belum di-tahan di-khemah2 tahanan.

"Mereka baharu saja di-tangkap dan maseh belum di-tahan," kata-nya ketika menjawab Tuan Karam Singh (SF-Damansara).

Dato Ismail tidak menjelaskan lebeh lanjut mengenai tangkapan2 itu, tetapi berjanji akan berbuat demikian kalau perkara itu di-bangkitkan dalam debat mengenai peruntukan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kelak.

Di-persoal

Sa-belum ini hak Tuan Karam Singh untuk membangkitkan perkara tindakan menangkap anggota2 SF itu telah di-persoalkan, kerana menurut beberapa anggota Perikatan Dewan maseh membahathkan peruntukan Kementerian Dalam Negeri yang tidak kena mengena dengan perkara orang2 yang di-tangkap itu.

Tetapi Tuan Karam Singh menjawab peruntukan untuk khemah2 tahanan termasuk dalam anggaran Kementerian Dalam Negeri.

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
18 December 1962Reel Number:
NL8147

Scroll to Top

Share




Table of Contents

< Previous

Page 1

Next >

Nama Akhbar

BERITA HARIAN AKHAm BAHASA MEMANGSJHAN MIUYA M-. 1767 THAIATHA, KChMMS, W62 21 I3U

KESAH KEGAGAHAN POLIS

KESAH KEGAGAHAN POLIS BERJUANG HINGOA KEHABISAN PELURU Bertempor tanpa makan, minum

SERI PADUKA AKAN RAIKAN RAJA KAMBOJA

SERI PADUKA AKAN RAIKAN RAJA KAMBOJA i LTALA LUMPUR. Ithnin,— Patera Norodom Siha--ouk

View Full Table of Contents >

Timbalan Speaker, Dato Syed Esa akhir-nya memutuskan supaya Tuan Karam Singh tidak menyentuh perkara orang2 yang di-tangkap itu sa-belum tiba

debat peruntukan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Ketika membuat penjelasan, Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata bahawa anggota2 SF itu baharu sahaja di-tangkap dan maseh belum di-tahan di-khemah2 tahanan.

"Ahli Yang Berhormat itu boleh berchakap mengenai keadaan dalam khemah tahanan itu pada perengkat ini dan bukan tentang perkara tangkapan itu," kata-nya.

Paling gelap

Sa-belum ini Tuan Karam Singh telah mensifatkan hari Ahad kelmarin sa-bagai "hari paling gelap" dalam sejarah Malaya.

Sa-ramai 50 orang anggota SF telah di-tangkap dan ini merupakan suatu tamparan yang hebat kepada sejarah demokrasi di-negeri ini.

Kerajaan Persekutuan, kata - nya, menjalankan suatu dasar "bermuka2" kerana di-luar negeri ia menjerit2kan semboyan "selamatkan demokrasi" tetapi dalam negeri sendiri ia "memusnahkan demokrasi itu."

Bila Tuan Karam Singh tidak di-benarkan beruchap terus atas perkara tangkapan anggota2 SF itu, beliau menyentuh pula soal kebebasan / kesatuan2 pekerja.


"Gerakan kesatuan2 pekerja di-negeri ini sentiasa di-tekan oleh Kerajaan melalui suatu peratoran yang memaksa mereka mendaftarkan diri," kata-nya.

Dan kerana itu, menurut wakil SF itu, sa - ramai 36,000 orang pekerja di-negeri ini tidak menjadi anggota mana2 kesatuan juga.

Pelawat2

"Hanya sa-bilangan kecil sahaja pekerja2 di-negeri ini masok dalam kesatuan2 pekerja dan bilangan terbesar-nya dudok di-luar," kata-nya.

Senentara itu Dewan ta-




lah di-beritahu tentang pelawat2 "yang sa-tengah2 nya terdiri dari pegawai2 Kerajaan" meminta "akar chenuai" dan "buloh perindu" ketika berkunjong ka-suatu kampong penempatan semula orang2 asli di-Johor.

"Mereka bukan melawat kerana hendak menyaksi-

kan kebajikan orang2 asli itu," kata Inche Ahmad Arshad (Per: Muar Utara).

Dalam gelak ketawa anggota2 Dewan, Inche Ahmad kemudian-nya merayu supaya lebeh banyak kemudahan2 di-beri kapada perkampongan orang2 asli ini.

Kata-nya orang2 asli itu memerlukan tanah, lalu menyebut janji Menteri Keselamatan Dalam Negeri (Dato Dr. Ismail) yang pernah berkunjong ka-perkampongan itu tidak lama dulu.




Inche Ahmad juga meminta supaya di-dirikan sa-buah ba'ai raya dan sekolah dewasa untok orang2 asli itu.

Benar-kah penjara besar Pudu Kuala Lumpur itu selama ini "menggerunkan" pelanchong2 dan pelawat2 luar ka-ibu kota?

Menurut Inche Ahmad Arshad (Per: Muar Utara) ada-nya penjara itu di-tengah2 ibu kota ini memang menakutkan pelawat2 itu.

Penjara



Belliau kemudian-nya meminta supaya penjara itu di-aleh ka-suatu tempat di-luar ibu kota yang lebeh luas dan lebeh munasabah.

"Ibu kota ini makin besar dan makin sesak. Kerana itu ada-nya penjara itu di-tengah2 kota ini tidak-lah munasabah," kata-nya.

Menurut-nya kalau dapat di-chari suatu kawasan yang lebeh luas untok orang2 tahanan itu, mereka dapat di-lateh lebeh sempurna untok menjadi ra'ayat yang baik bila keluar nanti.

Related Articles

No related article found.



